

**KELAB MYSTAR CO-OPBANK PERTAMA ANJUR PROGRAM MOTIVASI KEPADA
PELAJAR SPM**

01 OKTOBER 2025

1. Kelab Mystar Co-opbank Pertama (CBP) dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Papar dan Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) telah berjaya menganjurkan Program Motivasi Membina Tekad Menggapai Impian bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pengalat, Papar.
2. Program ini bertujuan membangkitkan semangat, menanam keyakinan diri serta meningkatkan kesedaran pelajar tentang kepentingan memiliki tekad dan usaha gigih bagi mencapai kejayaan akademik serta kecemerlangan peribadi.
3. Seramai lebih 485 calon Sikil Pelajaran Malaysia (SPM) daripada 10 buah SMK di sekitar daerah Papar telah mengambil bahagian. Para pelajar didedahkan kepada pelbagai sesi motivasi, bengkel pengurusan masa, serta penekanan terhadap kepentingan disiplin, fokus, nilai-nilai positif dan tanggungjawab diri sebagai asas kejayaan seorang pelajar.
4. Menurut Ketua Pegawai Perniagaan CBP, Encik Mohd Rafis Bin Makhtar, "Adalah penting bagi pelajar untuk terus berusaha gigih, berdisiplin serta bertekad menggapai impian. Semua ini adalah bekalan penting untuk menghadapi peperiksaan selain mengamalkan tabiat menyimpan secara konsisten demi masa hadapan".
5. "Dalam usaha membantu generasi muda membina keyakinan diri dan semangat untuk masa depan, setiap pelajar turut menerima sumbangan pembukaan Akaun Mystar CBP dan kit SPM serta sijil penyertaan", tambahnya lagi.
6. Inisiatif ini akan diteruskan oleh CBP dalam membantu pelajar untuk menyimpan untuk masa hadapan mereka.
7. Untuk makluman, Akaun Simpanan Mystar CBP terbuka kepada semua pelanggan yang berumur 18 tahun ke bawah di semua cawangan CBP seluruh Malaysia.

-TERIMA KASIH

Mengenai Co-opbank Pertama

Co-opbank Pertama (CBP) ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai sebuah co-opbank. CBP terus berkembang dengan kini mempunyai sebanyak 35 cawangan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk perbankan patuh Syariah termasuk perkhidmatan Ar-Rahnu. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cbp.com.my.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

Jabatan Komunikasi Korporat, Co-opbank Pertama

ukk@cbp.com.my